

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA** : **Dato' Takiyuddin Bin Hassan [ Kota Bharu ]**

**SOALAN** : **457**

PR-1361-T01762

**Dato' Takiyuddin Bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kerajaan akan membenarkan parti-parti pembangkang tampil menyatakan pandangan dan manifesto mereka dalam media arus perdana menjelang PRU 14 nanti

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) sedia mengadakan program seperti debat perdana jika terdapat keperluan dan kesesuaian untuk siaran. Parti-parti politik juga akan diberi peluang untuk membentangkan manifesto masing-masing dengan syarat perlu mematuhi garis panduan siaran yang telah dikeluarkan oleh RTM.